

PR Kekalkan Dr Wan Azizah Sebagai Calon Tunggal MB Selangor
Bernama
August 17, 2014

PETALING JAYA, 17 Ogos (Bernama) -- Majlis Pimpinan Pakatan Rakyat (PR) hari ini memutuskan Presiden PKR Datuk Seri Dr Wan Azizah sebagai calon tunggal bagi jawatan Menteri Besar Selangor.

Pendirian PR itu diputuskan dalam mesyuarat majlis presiden PKR, DAP dan DAP di sini hari ini susulan keputusan jawatankuasa kerja PAS Pusat menamakan Dr Wan Azizah dan Timbalan Presiden PKR Mohamad Azmin Ali sebagai calon bagi menggantikan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Ketua Umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam sidang media selepas mesyuarat itu, berkata Azmin menegaskan bahawa beliau kekal menyokong keputusan PKR untuk menamakan Dr Wan Azizah sebagai calon menteri besar Selangor yang baharu.

Azmin, yang turut hadir bersama Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng dan Timbalan Presiden PAS Mohamad Sabu pada sidang media itu, berkata sokongannya kepada Dr Wan Azizah adalah selaras dengan akuan bersumpah yang ditandatangani oleh 30 Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selangor dalam menyatakan sokongan terhadap presiden PKR itu.

Dr Wan Azizah merupakan ADUN Kajang.

PAS dalam mesyuarat khas jawatankuasa kerjanya pada siang tadi turut mengumumkan tidak lagi menyokong kepimpinan Abdul Khalid sebagai menteri besar tetapi dalam masa yang sama mengarahkan empat anggota exco daripada parti itu untuk kekal dalam pentadbiran kerajaan negeri pimpinan Abdul Khalid.

Pada Isnin lepas, Abdul Khalid berkata beliau telah mendapat perkenan Sultan Selangor untuk terus memegang jawatan menteri besar susulan pemecatannya daripada PKR dan mendakwa masih memperoleh kepercayaan majoriti anggota DUN.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1061108>